

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 [Akta 62] menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan badan dan syarikat Kerajaan. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan tiga jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Prestasi - untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti kementerian/jabatan/agensi dilaksanakan dengan ekonomik, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

1.3. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan - untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Pengauditan Prestasi dijalankan berdasarkan corak pengauditan yang diperuntukkan di bawah seksyen 6 Akta Audit 1957 [Akta 62] serta berpanduan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *The International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Laporan pada kali ini mengandungi perkara yang telah dibangkitkan hasil daripada pengauditan terhadap sembilan program/aktiviti/projek di 11 kementerian. Pengauditan yang dijalankan antara lain meliputi aspek pengurusan program/aktiviti dan pengurusan projek.

3. Secara umumnya, program/aktiviti/projek Kerajaan Persekutuan telah dilaksanakan mengikut tujuan yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan seperti sasaran objektif tidak tercapai. Berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2024, terdapat kes pembaziran akibat daripada projek siap yang tidak digunakan dan kos bayaran perunding bagi rekabentuk yang tidak digunakan kerana perubahan keputusan. Selain itu, terdapat juga isu kelemahan pengurusan yang mengakibatkan kesan kewangan yang signifikan kepada Kerajaan. Antaranya seperti kos alat ganti kapal yang tidak digunakan akibat daripada peralatan kapal yang ditukar kepada jenama yang lain dan infrastruktur jalur lebar yang dibina tetapi tidak dilanggan.

4. Kelemahan tersebut antara lain disebabkan oleh perancangan program/aktiviti/projek yang kurang teliti dan komprehensif. Selain itu, ia juga disebabkan pemantauan yang tidak dijalankan dengan konsisten dan teliti terhadap pengurusan projek dan kurang memberi perhatian terhadap keberhasilan/impak sesuatu program/aktiviti/projek. Perkara ini juga menyumbang kepada kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan dalam LKAN 2/2024.

5. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan/Ketua Agensi terlibat dan mereka juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa Mesyuarat Penutup diadakan. Penemuan Audit yang penting sahaja telah dilaporkan dalam laporan ini untuk memaklumkan kepada pemegang taruh mengenai kelemahan yang dikesan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 31 syor untuk diambil tindakan oleh kementerian/jabatan/agensi berkenaan.

6. Untuk LKAN 2/2024, Jabatan Audit Negara memperkenalkan pembaharuan iaitu penyediaan Buku Ringkasan LKAN yang mengandungi ringkasan latar belakang program/aktiviti/projek yang diaudit, penemuan, syor dan rumusan Audit yang dipersembahkan dalam bentuk infografik. Semua pembaharuan ini diharapkan dapat memberi nilai tambah kepada semua pemegang taruh yang terlibat.

7. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan usaha penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti Kerajaan. Selain meningkatkan akauntabiliti dan integriti penjawat awam, laporan ini juga diharap dapat menimbulkan kesedaran melalui penemuan dan syor Audit yang telah dikemukakan bagi membolehkan Kerajaan mencapai value for money untuk setiap perbelanjaan yang dibuat.

8. Status isu dan tindakan terkini Laporan Ketua Audit Negara 2/2024 boleh diakses oleh auditi dan orang awam melalui Papan Pemuka Dalam Talian Ketua Audit Negara (*Auditor General's Dashboard* – AGD) di laman web Jabatan Audit Negara (<http://agddashboard.audit.gov.my>). Mekanisme ini telah berjaya membantu kementerian/jabatan/agensi Kerajaan untuk menyalurkan maklum balas dengan cepat, pantas serta meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti. Hal ini membuktikan komitmen dan keprihatinan Kerajaan dalam menjelaskan kedudukan terkini isu yang dibangkitkan dalam LKAN serta menyalurkan status tindakan yang telah diambil.

9. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai kementerian/jabatan/agensi Kerajaan yang telah memberi kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha gigih serta memberi sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.

A large, stylized handwritten signature in black ink, consisting of several overlapping loops and a long horizontal stroke extending to the left.

(DATUK WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)
Ketua Audit Negara

Putrajaya
20 Mei 2024

